

BUKIT AMAN

Berintegriti

Beretika

Amanah

www.rmp.gov.my



**Sesawang Terbaik:
PDRM Raih
3 Anugerah AIC**





Editorial

Berita Bukit Aman Bil. 2/2015

Alhamdulillah, segala puji syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah izinNya kita semua masih diberi kesempatan untuk sekali lagi berpeluang untuk mengeluarkan Berita Bukit Aman (BBA) Bilangan 2/2015 pada tahun ini.

Dalam siri ini, kita fokuskan kepada trend jenayah siber di mana trend ini merupakan satu ancaman keselamatan negara sekali gus boleh menyebabkan kerugian yang besar kepada sesebuah organisasi dari segi kewangan, produktiviti, masa, serta nama baik.

Menurut laporan Ancaman Keselamatan SOPHOS 2013, negara kita berada pada tangga keenam mudah diserang jenayah siber yang mana melibatkan organisasi jenayah antarabangsa yang menyalahgunakan internet untuk pelbagai aktiviti haram rentas sempadan seperti dadah, penyeludupan manusia, penipuan kewangan dan penggubahan wang haram.

Sehubungan itu, PDRM telah melipatgandakan usahanya melalui pelbagai kempen bagi tujuan mendidik dan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat supaya mereka tidak menjadi mangsa jenayah komersil terutamanya jenayah siber.

Kempen-kempen yang dijalankan di seluruh negara mensasarkan golongan-golongan sasaran seperti ibu-ibu tunggal, 'netizen' (Masyarakat Aktif Internet), ahli-ahli korporat, pelajar dan masyarakat umum yang kerap melayari internet.

PDRM akan terus menjalankan kempen dan pemantauan serta berharap setiap ahli masyarakat berhati-hati dan bijak melayari internet agar mereka tidak menjadi mangsa penipuan jenayah siber.

Selamat membaca.

ACP Datin Asmawati Ahmad

SIDANG REDAKSI 2015

Editor

ACP Datin Asmawati Ahmad

Penolong Editor

DSP Arshad Mat
ASP Md Aruwan Md Amilah
ASP Mohd Zaki Abu Bakar

Staf Penerbitan

SM Zakaria Muhammad
Kpl. Mohamad Wahid Mat Din
Kpl. Aslam Syir Khan Fairuz Khan
Kpl. Mohd Azahar Ahmad Suhaimi
L/Kpl. Mohd Iqbal Nasruddin
Konst. Sartish Menon Sivaraman
PPN17 Shimatul Aida Maamor

Pereka Grafik

Nasrul Hafiz Suliman

Alamat Surat-menyurat

Unit Penerbitan & Publisiti
Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat)
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman 50560
Kuala Lumpur

Tel: 03-2266 8325/8329

Faks: 03-2266 8330

Dicetak oleh

Attin Press Sdn bhd

KANDUNGAN

Berita Bukit Aman BIL. 2/2015

• Fokus: Jenayah Siber: Jangan Jadi Mangsa	04-06
• Dari Perspektif KPN: Anugerah Antarabangsa Sesawang terbaik	07
• Pengiktirafan: Penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Negara	08
• PDRM Berjaya Raih Tiga Anugerah IAC	09
• Penganugerahan Pingat Kedaulatan Negara	10
• Aktiviti: Dato' Sri Mokhtar Terajui JSJN	11
• Paluan Berundur Pengarah JIPS	12
• Warga JSJN Terima Amanat Timbalan Ketua Polis Negara	12
• Dato' Jamshah Galas Tugas Pengarah JIPS Baharu	13
• Majlis Serah Terima Tugas Komander PGU Dan UTK PDRM	14
• Serah Terima Tugas Ketua Penolong Pengarah Urus Setia JKDNKA	14
• Program Derma Darah Sempena Sambutan Hari Polis Ke 208	15
• Kunjungan Hormat	16-17
• Ceramah Agama Sempena Isra' Mikraj	18
• Sembahyang Khas Agama Buddha	18
• Sembahyang Khas Agama Kristian	19
• Sembahyang Khas Agama Hindu	19
• Majlis Berbuka Puasa Warga PDRM bersama YAB PM	20
• PDRM Anjur Lawatan Kebajikan Ke PPUM	21
• RESPA Sumbang Bantuan Kepada Mangsa Banjir	22
• Sambutan Ulang Tahun Kor Kadet Polis Ke-45	23
• Penyerahan Sumbangan Bungkusan Hari Raya	23
• Kolaborasi: Program Karnival "Hari Komuniti Bersama Polis"	24
• Majlis Pelancaran Filem Bukit Kepong Versi HD	25
• Pelancaran PR1MA Untuk Warga PDRM	25
• Kejayaan: Sindiket African Scam Tumpas	26
• Keratan Akhbar Kejayaan JSJK	27
• 10,437 Saman Tertunggak Warga Asing Selesai	28
• PERKEP: Tanyalah Ustazah-Guru Seluruh Ummah	28
• Bagaikan Aur Dengan Tebing	29
• Sukan: Pertandingan Golf Hari Polis Ke-208 Tahun 2015	30
• World Police And Fire Games 2015: Penyerahan Bendera Sang Saka Biru	31
• Info Kesedaran Jenayah: Helah Panggilan telefon	32

JENAYAH SIBER: JANGAN JADI MANGSA

FOKUS

Semua sedia maklum bahawa rakyat Malaysia adalah antara yang paling ramai menggunakan media sosial dan tidak hairanlah jika anggota masyarakat kita membentuk sebahagian besar mangsa jenayah siber.

Saban tahun, rakyat Malaysia kehilangan berbilion ringgit kerana menjadi mangsa "fraudsters" atau pihak yang menggunakan internet untuk menipu mangsa-mangsa yang mudah diperdaya.

Memandangkan internet merupakan alam maya yang tidak bersempadan, maka jenayah siber menjadi cabaran terbesar kepada pihak berkuasa

di seluruh dunia, termasuklah Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Berdasarkan Laporan Ancaman Keselamatan Sophos 2013 oleh firma SOPHOS, Amerika Syarikat dalam tempoh tiga bulan pertama tahun tersebut meletakkan Malaysia di tempat ke-6 dunia yang berisiko tinggi terdedah kepada ancaman jenayah siber, misalnya serangan 'malware' dan penipuan dalam internet.

Malah Laporan Jenayah Siber Norton 2012 iaitu sebuah syarikat keselamatan internet terkemuka, menunjukkan penjenayah siber telah mengaut perolehan salah melalui

kaedah ini mencecah RM331.7 bilion dari seluruh dunia.

Jika dilihat daripada laporan polis yang diterima berkaitan Jenayah Komersil, statistik menunjukkan bahawa trend jenayah komersil masa kini menjurus kepada jenayah penipuan yang menggunakan medium siber.

Modus operandi yang sering kali



digunakan oleh penjenayah siber ini adalah melalui pembelian barangan menerusi internet, pembungkusan atau "parcel" dan taktik penyamaran untuk menipu mangsa.

Kerugian tertinggi yang pernah dicatatkan adalah pada tahun 2011 berjumlah lebih RM34 juta melalui sindiket penipuan parcel.

Berdasarkan siasatan dan kajian daripada pihak JSJK PDRM, faktor kecuaiannya pengguna dan kurang kesedaran tentang teknologi merupakan penyebab utama kepada peningkatan kes-kes penipuan jenayah siber di negara ini.

Sehubungan itu, PDRM telah melipatgandakan usahanya melalui pelbagai kempen bagi tujuan mendidik dan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat supaya mereka tidak menjadi mangsa jenayah komersil terutamanya jenayah siber.



Kempen itu berkonsepkan 'BE SMART' bertujuan membina masyarakat yang berilmu dan mempunyai jati diri yang tinggi untuk berdepan dengan arus pembangunan yang pesat terutama di dalam bidang 'Information, Communication and

Technology'(ICT).

Menerusi kempen ini masyarakat didedahkan dengan pelbagai maklumat berkaitan jenayah komersial dan langkah-langkah pencegahan agar tidak mudah menjadi mangsa kepada jenayah itu. Kempen "BE SMART" ini hasil kerjasama dalam usaha pencegahan jenayah melalui perjanjian persefahaman MoU antara Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) PDRM dan Limkokwing University Creative Technology (LUCT) yang ditandatangani pada 28 Ogos 2013. MoU tersebut berkuat kuasa selama



Kempen-kempen yang dijalankan di seluruh negara mensasarkan golongan-golongan sasaran seperti ibu-ibu tunggal, 'netizen' (Masyarakat Aktif Internet), ahli-ahli korporat, pelajar dan masyarakat umum yang kerap melayari internet.

Untuk melawan api kebakaran di rimba, kita harus menggunakan api. Atas dasar inilah maka PDRM, melalui Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) telah melancarkan Kempen Pencegahan Jenayah Komersil pada 30hb November 2013 di The Curve, Mutiara Damansara.



lima tahun dan dalam tempoh tersebut, pihak Universiti Limkokwing akan membantu PDRM dalam menyediakan bahan-bahan seperti video klip, poster serta bekerjasama dalam melaksanakan strategi Kempen Pencegahan Jenayah Komersil.

Menggunakan Tema "BE SMART" 'JANGAN JADI MANGSA JENAYAH SIBER' bagi kempen ini adalah kata peringatan kepada pengguna supaya bertindak lebih bijak apabila menggunakan atau melayari internet, komputer atau smart phone, agar mereka tidak mudah terpedaya dan menjadi mangsa jenayah siber.

Setakat ini beberapa program telah pun dilaksanakan bagi menayakan kempen tersebut iaitu:

- i. Pelancaran Portal JSJK
- ii. Pelancaran lagu kempen 'BE SMART'.
- iii. Pelantikan Rakan Strategik yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta.
- iv. Penedaran risalah, poster dan kalender 2014.
- v. Ceramah kesedaran dan pencegahan.
- vi. Temuramah dan wawancara di media cetak dan elektronik.

Kempen ini berkonsepkan penyebaran maklumat secara langsung kepada masyarakat menerusi tiga (3) pendekatan iaitu:-

- i. Ruang siber - Facebook, Twitter, blog, email dan lain-lain.
- ii. Media massa - Cetak dan elektronik
- iii. 'Direct approach'. - Ceramah dan pameran

Baru-baru ini, Laman Sesawang Jenayah Siber Polis Diraja Malaysia (PDRM), <http://www.ccid.my> telah dipilih memenangi tiga anugerah berprestij dalam majlis Awards in Internet Advertising Competition (IAC) Awards & 20th Annual Communicator Award 2014 yang diadakan di Limkokwing Universiti pada 9 April lepas.

Tiga anugerah yang dimenangi itu adalah 'Best Information Service Website', 'Silver Award of Distinction for Cybercrime Website' bagi kategori 'Computer / IT Software' dan 'Silver Award of Distinction for Cybercrime' bagi kategori 'Government'

Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar telah menerima anugerah-anugerah tersebut bagi pihak PDRM yang disampaikan oleh Presiden Limkokwing Universiti, Tan Sri Dato' Sri Paduka Limkokwing di atas pencapaian cemerlang pasukan.

Anugerah IAC dan Annual Communicator Awards telah diasaskan oleh Persatuan Pasaran Laman Sesawang Amerika Syarikat untuk memberi penghormatan kepada individu atau organisasi bagi promosi dalam talian dan mewar-warkan para pemenang anugerah "Internet Advertising".

Dengan kejayaan tersebut, PDRM akan terus memperhebatkan lagi kempen-kempen kesedaran terhadap masyarakat dalam memahami selok-belok Internet dan sifat semulajadi Internet kerana kita tidak tahu siapa sebenarnya yang berkomunikasi dengan kita terutama di alam maya ini.

Sentiasalah berwaspada terhadap segala risiko di Internet dan lindungilah maklumat akaun kita. Jika ragu-ragu, dapatkan nasihat lanjut dari pihak berkuasa sebelum terjebak lebih jauh di dalam kancah penipuan di alam siber.

-Editor-

BE SMART, DON'T RESPOND TO SPOOFING



Dari Bukit Aman

Oleh Tan Sri Khalid Abu Bakar



Anugerah Antarabangsa Sesawang Terbaik

Para pembaca budiman, kita semua sedia maklum bahawa rakyat Malaysia antara yang paling ramai menggunakan media sosial dan tidak hairanlah jika anggota masyarakat kita membentuk sebahagian besar mangsa jenayah siber.

Sahan tahun, rakyat Malaysia kehilangan berbilion ringgit kerana menjadi mangsa 'fraudsters' atau pihak yang menggunakan internet untuk menipu mangsa yang mudah diperdaya.

Memandangkan Internet adalah alam maya yang tidak bersempa dan, maka jenayah siber menjadi cabaran terbesar kepada pihak berkuasa di seluruh dunia, termasuklah Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Berdasarkan Laporan Ancaman Keselamatan SOPHOS 2013 oleh firma SOPHOS, Amerika Syarikat, dalam tempoh tiga bulan pertama tahun itu meletakkan Malaysia di tangga ke 6 dunia yang berisiko tinggi terdedah kepada ancaman jenayah siber, misalnya serangan 'malware' dan penipuan dalam Internet.

Malah, Laporan Jenayah Siber Norton 2012 iaitu sebuah syarikat keselamatan Internet terkemuka menunjukkan penjenayah siber mengaut perolehan salah melalui kaedah ini mencecah RM331.7 bilion dari seluruh dunia.

Jika dilihat daripada laporan polis yang diterima berkaitan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), statistik menunjukkan trend jenayah komersial masa kini menjerus kepada jenayah penipuan yang menggunakan medium siber.

Modus operandi yang sering kali digunakan penjenayah siber ini adalah melalui pembelian barangan menerusi Internet, pembungkusan atau 'parcel' dan taktik penyamaran untuk menipu mangsa.

Kerugian tertinggi yang pernah dicatatkan adalah pada 2011 berjumlah lebih RM34 juta melalui sindiket penipuan 'parcel'.

Berdasarkan siasatan dan kajian daripada JSJK, faktor kecuaiannya pengguna dan kurang kesedaran mengenai teknologi penyebab utama kepada peningkatan kes penipuan jenayah siber di negara ini.

Sehubungan itu, PDRM melipatgandakan usahanya melalui pelbagai kempen bagi tujuan mendidik dan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat supaya mereka tidak menjadi mangsa jenayah komersial terutama jenayah siber.

Kempen yang dijalankan di se-



luruh negara mensasarkan golongan seperti ibu tunggal, 'netizen' (masyarakat aktif Internet), ahli korporat, pelajar dan masyarakat umum yang kerap melayari Internet.

Untuk melawan api kebakaran di rimba, kita harus menggunakan api. Atas dasar inilah maka PDRM, melalui JSJK melancarkan Kempen Pencegahan Jenayah Komersial pada 30 November 2013 di The Curve, Mutiara Damansara.

Kempen itu berkonsepkan 'BE SMART' bertujuan membina masyarakat yang berilmu dan mempunyai jati diri tinggi untuk berdepan dengan arus pembangunan pesat, terutama dalam bidang 'Information, Communication and Technology' (ICT).

Menerusi kempen ini, masyarakat didedahkan dengan pelbagai maklumat berkaitan jenayah komersial dan langkah pencegahan agar tidak mudah menjadi mangsa kepada jenayah itu.

Kempen 'BE SMART' ini hasil kerjasama dalam usaha pencegahan jenayah melalui perjanjian persahabatan (MoU) antara JSJK dan Limkokwing University yang ditandatangani pada 28 Ogos 2013.

MoU itu berkuat kuasa selama lima tahun dan dalam tempoh itu Limkokwing University akan membantu PDRM dalam menyediakan bahan seperti video klip, poster serta bekerjasama dalam melaksanakan strategi Kempen Pencegahan Jenayah Komersial. Menggunakan tema 'BE SMART

KHALID menerima anugerah daripada Lim.

LAMAN sesawang Jenayah Siber PDRM menang tiga anugerah.

FAKTA
Malaysia di tangga ke-6 dunia yang berisiko tinggi terdedah kepada ancaman jenayah siber.



JANGAN JADI MANGSA JENAYAH SIBER bagi kempen ini adalah kata peringatan kepada pengguna supaya bertindak lebih bijak apabila menggunakan atau melayari Internet, komputer atau telefon pintar supaya mereka tidak mudah terpedaya dan menjadi mangsa.

Setakat ini, beberapa program dilaksanakan bagi menjayakan kempen itu adalah:

- Pelancaran Portal JSJK
- Pelancaran lagu kempen 'BE SMART'.
- Pelantikan Rakan Strategik yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta.
- Pengedaran risalah, poster dan kalender 2014.
- Ceramah kesedaran dan pen-

cegaran. Khamis lalu.

Tiga anugerah yang diraih 'Best Information Service Website - IAC Awards 2014, Silver Award of Distinction for Cybercrime Website' bagi kategori Komputer dan Perisian Internet dan 'Silver Award of Distinction for Cybercrime' bagi kategori kerajaan.

Untuk makluman pembaca, anugerah 'IAC' dan 'Annual Communicator Awards' diasaskan oleh Persatuan Pasaran Laman Sesawang Amerika Syarikat untuk memberi penghormatan kepada individu atau organisasi bagi promosi dalam talian dan meuar-uarkan pemenang anugerah 'Internet Advertising'.

Saya diberi penghormatan menerima anugerah itu yang disampaikan Presiden Limkokwing University Tan Sri Lim Kok Wing atas pencapaian cemerlang PDRM.

Penghargaan tidak terhingga saya ucapkan kepada pihak Limkokwing University dan pelajar khususnya mereka dari universiti itu yang saya kira cukup kreatif membentuk pengisian yang bermaklumat dalam JSJK.

Saya berharap setiap ahli masyarakat berhati-hati dan bijak melayari Internet supaya mereka tidak menjadi mangsa penipuan jenayah siber.

Fahamilah selok-belok Internet dan sifat semula jadi Internet kerana kita tidak tahu siapa sebenarnya yang berkomunikasi dengan kita, terutama di alam maya.

Sentiasalah berwaspada terhadap segala risiko di Internet dan lindungilah maklumat akaun kita.

Jika ragu-ragu, dapatkan nasihat lanjut daripada pihak berkuasa sebelum terjebak lebih jauh dalam kancap penipuan alam siber.

Saya juga berharap pembaca sudi melayari laman sesawang JSJK di <http://www.ccid.my> yang memuatkan pelbagai maklumat dan nasihat bagi mengelak diri daripada menjadi mangsa penipuan alam maya.

Itulah laman sesawang yang mendapat pengiktirafan dunia atas pengisiannya yang terbaik dalam memerangi jenayah siber.

Penulis Ketua Polis Negara

PENGANUGERAHAN PINGAT JASA PAHLAWAN NEGARA

Oleh : Sjn Zaidin | Kost. Rafsanjani



PENGIKTIRAFAN



Seremban, 21 Mei – Seramai 167 orang pesara polis di Negeri Sembilan dianugerahkan Pingat Jasa Pahlawan Negara (PJPN) di Klana Resort Seremban.

Majlis penganugerahan pingat itu disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan.

Pingat ini dianugerahkan kepada petugas-petugas polis dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menghargai jasa kepahlawanan, pengorbanan dan kebaktian kepada negara semasa era darurat dalam perkhidmatan Persekutuan Tanah Melayu bagi tempoh

12 Julai 1948 hingga 31 Julai 1960 dan era insurgency komunis pada 17 Jun 1968 hingga 2 Disember 1989 di Malaysia, juga bagi Sabah dan Sarawak pada 1962 hingga 17 Oktober 1990 yang dikenali sebagai perkhidmatan semasa darurat.

Turut hadir di Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Negara ialah Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara dan isteri, Puan Sri Dato' Imran binti Ibrahim, DCP Dato' Jaafar bin Mohd Yusof, Ketua Polis Negeri Sembilan serta Pegawai-pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia.



PDRM *Berjaya* Raih Tiga Anugerah IAC

Oleh : F29 Siti Fatimah Abd Manan , L/Kpl Mohd Iqbal



Cyberjaya, 9 April – Laman Sesawang Jenayah Siber Polis Diraja Malaysia (PDRM) dipilih memenangi tiga anugerah berprestij dalam majlis Awards in Internet Advertising Competition (IAC) Awards & 20th Annual Communicator Award 2014 yang diadakan di Limkokwing Universiti, di sini.

Tiga anugerah yang dimenangi itu adalah 'Best Information Service Website', 'Silver Award of Distinction for Cybercrime Website' bagi kategori 'Computer / IT Software' dan 'Silver Award of Distinction for Cybercrime' bagi kategori 'Government'

Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar telah menerima anugerah-anugerah tersebut bagi pihak PDRM

yang disampaikan oleh Presiden Limkokwing Universiti, Tan Sri Dato' Sri Paduka Limkokwing di atas pencapaian cemerlang pasukan.

Anugerah IAC dan Annual Communicator Awards telah diasaskan oleh Persatuan Pasaran Laman Sesawang Amerika Syarikat untuk memberi penghormatan kepada individu atau organisasi bagi promosi dalam talian dan mewar-warkan para pemenang anugerah "Internet Advertising".

Majlis penyampaian anugerah ini turut dihadiri oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, CP Dato' Sri Mortadza Nazarene, Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, CP Dato' Acryl Sani Abdullah Sani, Ketua Polis Selangor, Senior DCP Dato'Abdul Samah Hj Mat serta barisan pegawai kanan PDRM.

Penganugerahan Pingat Kedaulatan Negara

Oleh : Konst Sathish Menon



Kuala Lumpur, 28 Mei – Seramai 210 orang Pegawai Kanan dan Anggota dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dianugerahkan Pingat Kedaulatan Negara (P.K.N) di Dewan Sultan Ahmad Shah, Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur .

Majlis penganugerahan pingat ini dikurniakan khusus kepada wira-wira negara yang telah berkorban jiwa raga mereka untuk mempertahankan negara, khususnya bumi Sabah daripada diceborohi semasa Ops daulat. di

Kampong Tanduo, Lahad Datu pada 1 Mac 2013. Penganugerahan Pingat Kedaulatan Negara ini telah disempurnakan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.

Turut hadir Datuk Seri Mohamad Saleh, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Komander STAGG & STAFOC, Pegawai-pegawai Kanan serta Anggota PDRM.

Dato' Sri Mokhtar Terajui JSJN

“Sebagai orang nombor satu dalam jabatan ini, adalah diharapkan agar Dato' Sri Mohd Mokhtar dapat mengatur strategi yang lebih mantap bagi mempertingkatkan lagi usaha menangani masalah dadah daripada ia terus melular merosakkan anak bangsa kita” ,ujar Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara



Oleh : L/Kpl Mohd Iqbal Nasruddin



Bukit Aman, 21 April – Dato' Sri Mohd Mokhtar Hj. Mohd Shariff dilantik sebagai Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) yang baru menggantikan pengarah terdahulu iaitu Dato' Sri Nor Rashid Ibrahim yang dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Polis Negara.

“Sebagai orang nombor satu dalam jabatan ini, adalah diharapkan agar Dato' Sri Mohd Mokhtar dapat mengatur strategi yang lebih mantap bagi mempertingkatkan lagi usaha menangani masalah dadah daripada ia terus melular merosakkan anak bangsa kita” ,ujar Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara dalam ucaptamanya dalam Majlis tersebut menunjukkan bahawa beliau memberi kepercayaan yang cukup tinggi kepada Dato' Sri Mohd Mokhtar dalam menggalas tanggungjawab tersebut.

Majlis menandatangani dokumen serah terima tugas tersebut telah disaksikan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara sendiri

yang berlangsung di MES Pegawai Kanan Bukit Aman berlangsung meriah dengan upacara pemakaian pangkat 37 orang Pegawai-Pegawai Kanan PDRM yang telah dinaikan pangkat, antaranya ialah CP Dato' Zubaidah Md Ismail, Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), SDCP Dato' Rusli Ahmad, Ketua Polis Johor, DCP Dato' Shah Gzali Khan Shahadad, Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Lat / Pep / Kompetensi), Bahagian Latihan serta DCP Dato' Aishah Mohamad, Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Maklumat Sumber Manusia).

Dalam majlis yang sama turut diadakan upacara serah terima tugas jawatan pengerusi PERKEP JSJN di antara Datin Sri Bibi Zakiah Meraslam dan Datin Noor Arfah Abdul Rahman, pemangku Pengerusi PERKEP JSJN yang telah disaksikan oleh Puan Sri Dato' Imran Ibrahim, Pengerusi PERKEP Malaysia.

PALUAN BERUNDUR PENGARAH JIPS PDRM

Oleh : Konst Sathish Menon

Kuala Lumpur, 8 Mei - Berlangsungnya Upacara paluan berundur Sempena Persaraan SDCP Dato Zubaidah b Md Ismail Pengarah jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard PDRM ditemani Suami Y.Bhg Tuan Mohamad b Sheik Mana, di Dataran Kawad Pulapol Kuala Lumpur.

Majlis ini dimeriahkan dengan acara bacaan Puisi Khas oleh DSP Rose Bainsi binti Haji Kasim dan persembahan Pancaragam Pusat PDRM di akhir Majlis.

CP Dato Zubaidah b Md Ismail, ditemani suami, Tuan Mohamad B Sheik Mana ditarik dngan kenderaan istiadat oleh pegawai-pegawai kanan sehingga ke pintu Balai Pengawal sebagai tanda penghormatan sebelum menandatangani Buku Pelawat buat kali terakhir.



Warga JSJN terima amanat Timbalan Ketua Polis Negara

Oleh : Konst Sathish Menon

Bukit Aman, 9 Jun – Tiga keutamaan yang perlu diberi perhatian iaitu mengekalkan ketenteraman awam dan kesejahteraan rakyat, mengawal serta mengekang jenayah melalui pencegahan dan penyiasatan berkesan dan memantapkan integriti dan pematuhan standard warga PDRM

Majlis "Talking Points" bersama Deputy Inspector General Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara sempena lawatan kerja ke Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik telah berlangsung di Dewan Theatre, Menara 1, Bukit Aman.

Deputy Inspector General Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara turut menekankan tentang disiplin, saling hormat menghormati, kesetiaan yang tidak berbelah bahagi di dalam pasukan, "command and control", penambaan mutu perkhidmatan PDRM serta kemampuan PDRM dalam menjalankan tugas.

Turut hadir, Dato' Mohd Mokhtar Mohd Shariff, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan Dato' Jamaludin Kudin, Timbalan Pengarah III, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik



Dato' Jamshah Galas Tugas Pengarah JIPS Baharu

Kuala Lumpur, 2 Jun – SDCP Dato' Jamshah Mustapa secara rasminya telah menjadi Pengarah Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard (JIPS) Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menggantikan Dato' Zubaidah Md Ismail yang telah bersara wajib 8 Mei yang lalu.

Sepanjang tempoh itu, jawatan Pengarah JIPS PDRM telah dipangku oleh Dato' Abdul Ghafar Rejab, Timbalan Pengarah JIPS (Integriti).

Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara dalam ucapannya sempena Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai-Pegawai Kanan Polis dan Serah Terima Tugas Jawatan Pengarah JIPS serta Pengerusi PERKEP JIPS berkata, adalah menjadi harapan semua agar Dato' Jamshah sebagai Pengarah JIPS yang baru dapat mengatur pelan serta perancangan yang lebih mantap bagi menjadikan JIPS sebagai sebuah jabatan yang terus dihormati serta disayangi oleh seluruh warga PDRM.

Terdahulu, beliau menyematkan pangkat baharu kepada 95 orang pegawai kanan PDRM yang telah diumumkan kenaikan pangkat mereka baru-baru ini. Selain itu, turut diadakan majlis Serah Terima Pengerusi PERKEP JIPS di antara Datuk Hajjah Noriah Hashim dan Datin Noorfariah Abd. Rahman.

Hadir sama, Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara, Puan Sri Dato' Imran Ibrahim, Pengerusi PERKEP Malaysia.



Oleh : Oleh : L/Kpl Irfan Bujang | L/Kpl Mohd Iqbal Nasruddin



MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS KOMANDER PGU DAN UTK PDRM



Bukit Aman, 17 Jun – Bertempat di Dewan Theatre, Bukit Aman, semalam telah berlangsungnya majlis serah terima tugas bagi jawatan Komander Pasukan Gerakan Udara (PGU) dan Komander Unit Tindakan Khas (UTK) serta Pengerusi PERKEP PGU dan Pengerusi PERKEP UTK.

Majlis dimulai dengan upacara menandatangani dokumen serah terima tugas jawatan Komander PGU di antara SAC Dato' Kamarulzaman Md. Jan dengan SAC S. Sathiya Seelan serta Komander UTK di antara ACP Tan Loo Kim dengan SAC Hazani Ghazali yang disaksikan sendiri oleh Pengarah Jabatan KDN/KA, Dato' Muhammad Fuad Abu Zarim.

Majlis yang kemudiannya diteruskan dengan upacara serah terima tugas Pengerusi PERKEP PGU diantara Datin Aini Ramli dengan Puan Pauline Arthur Mading serta Pengerusi PERKEP UTK di antara Puan Jessica Jentia Anak Bakit dengan Puan Fadzhah Abdul Hamid yang turut disaksikan sendiri oleh Pengerusi PERKEP Jabatan KDN/KA, Datin Normah Mohammad Shah.

Turut Hadir Timbalan Pengarah (Operasi) KDN/KA, Datuk Ab. Razak Ab. Ghani, Penolong-penolong Pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan PDRM serta ahli-ahli PERKEP Jabatan KDN/KA.

Bukit Aman, 30 April - Upacara Penyerahan Dokumen Serah Terima Tugas Asisten Komisioner Polis Abd Aziz Md Khalid Ketua Penolong Pengarah Urus Setia JKDNKA yang akan bersara pada 04 Mei 2015

Asisten Komisioner Polis Zainol Abidin Hassan akan menggantikan tempat ACP Abd Aziz Md Khalid sebagai Ketua Penolong Pengarah Urus Setia JKDNKA mulai 04 Mei 2015.

Upacara Penyerahan Dokumen Serah Terima Tugas Diantara Asisten Komisioner Polis Abd Aziz Md Khalid dan Asisten Komisioner Polis Zainol Abidin Hasan Disaksikan Oleh Yang Dihormati Dato' Amer HJ Awal. Turut Hadir

Serah Terima Tugas Ketua Penolong Pengarah Urus Setia JKDNKA

Oleh : Konst Sathish Menon



Program **DERMA DARAH** Sempena Peringatan Hari Polis Ke- 208

Oleh : Kpl Aslam Syir Khan



Selangor , 18 April – Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara telah menghadiri Program Derma Darah Sempena Hari Polis Ke-208 di Subang Parade, Selangor,

Kempen derma darah ini diadakan bagi menarik minat seluruh masyarakat tentang kepentingan menderma darah dan dapat membantu insan-insan yang memerlukan, tidak kira agama, bangsa dan fahaman. Kempen seperti ini juga turut menarik perhatian orang ramai yang berkunjung ke pusat membeli belah tersebut untuk turut sama menyumbang bakti kepada masyarakat dan membantu orang ramai yang memerlukannya.



Justeru itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyahut seruan bagi menganjurkan Kempen Derma Darah Sempena Hari Polis Ke-208.

Turut hadir Datin Sri Shahriza Saad Mansor, Naib Pengerusi PERKEP Malaysia. Encik Azlan Nik Aman, Pengurus Kanan Pusat Membeli – belah Subang Parade dan Dr. Noryati Abu Amin, Pengarah Pusat Darah Negara



PROGRAM DERMA DARAH
SEMPENA PERINGATAN HARI POLIS KE - 208
TAHUN 2015

Oleh
YDH. IG TAN SRI DATO' SRI KHALID BIN ABU BAKAR
POLIS NEGARA

15 (SABTU)
MELAH SUBANG
KAT B
TIAD

Kunjungan Hormat Head Of The Asean Department At Foreign and Commonwealth Office

Bukit Aman, 1 Jun – Mr. Tom Dodd, Head Of The Asean Department At Foreign and Commonwealth Office bersama Pesuruhjaya Tinggi British telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



Kunjungan Hormat Komandan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera

Bukit Aman, 1 Jun – Laksamana Pertama Dato' Sabri Zali, Komandan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera bersama pegawainya telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



MICCI temui Timbalan Ketua Polis Negara

Bukit Aman, 5 Jun – Encik Rajan Mittal Dari Malaysian International Chamber Of Commerce And Industry (MICCI) membuat Kunjungan Hormat ke atas Deputy Inspektor Jeneral Polis, Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara di Bilik Mesyuarat KPN, Menara 1, Bukit Aman.



Kunjungan Hormat Delegasi Pakistan

Bukit Aman, 10 Jun – Mr. Fiaz Ahmed Khan Toru, Chairman of The Working Group Of Criminal Justice Reforms Khyber Pakhtunkhuwa Province, Pakistan telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



Kunjungan hormat Pegawai Kedutaan Arab Saudi

Bukit Aman, 8 April – Mr. Abdul Aziz Al Arifi, Pegawai Kedutaan Arab Saudi telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



Oleh : Konst Shazril Abd Rashid

Kunjungan Hormat Ke Atas Timbalan Ketua Polis Negara

Bukit Aman, 10 Jun – Mr. Fiaz Ahmed Khan Toru, Chairman of The Working Group Of Criminal Justice Reforms Khyber Pakhtunkhuwa Province, Pakistan telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



Kunjung Hormat IMQ London Ke Atas Ketua Polis Negara

Bukit Aman, 25 Jun – Mr. Potenggal Mukundan Director International Maritime Bureau London membuat Kunjungan Hormat ke atas Inspektor Jeneral Polis, Tan Sri Dato' Sri Khalid Bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara di Bilik Tetamu KPN, Menara 1, Bukit Aman.



Kunjungan Hormat Presiden Lim kok wing Universiti

Bukit Aman, 21 April – Tan Sri Dato' Sri Paduka Lim Kok Wing, Presiden Lim Kok Wing Universiti telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Turut hadir, Dato Raja Aznil Raja Hisham, Senior Vice President, Professor Tracey Green, Executive Dean Charles Sturt University, Dato' Seri Mohamad Fuzi bin Harun, Pengarah Pengurusan PDRM, Dato' Acryl Sani bin Hj. Abdullah Sani, Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti, Dato' Shah Gzali Khan bin Shahadad, Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan).



Kunjungan hormat Minister of Foreign Affairs Federal Republic of Somalia

Bukit Aman, 27 April – H.E. Dr. Khalid Omar Ali, Minister of Foreign Affairs Federal Republic of Somalia telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



Kunjungan hormat Commissioner For Community Police, Tanzania Police Force

Bukit Aman, 24 Jun – Commissioner Of Police Mussa Ali Mussa, Commissioner For Community Police, Tanzania Police Force telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



Kunjung Hormat Duta Nepal Keatas Timbalan Ketua Polis Negara

Bukit Aman, 29 Mei – Duta Nepal H.E. DR. Niranjana Man Singh Basny telah mengadakan kunjungan hormat keatas Timbalan Ketua Polis Negara, Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



CERAMAH AGAMA SEMPENA ISRA' MIKRAJ

Oleh : Kpl Aslam Syir Khan

Kuala Lumpur, 15 Mei - Satu ceramah agama bersempena Israk Mikraj oleh penceramah terkenal Ustaz Dr. Hj. Zahazan Mohamed yang juga Pengarah Urusan Telaga Biru Sdn Bhd dan penyampai tetap kuliah tafsir Al-Quran di radio IKIM telah diadakan anjuran Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Bukit Aman.

Ceramah yang berlangsung selama lebih kurang satu jam setengah itu telah diadakan di Dewan Serbaguna, Masjid Bukit Aman yang bertujuan untuk memberikan pendedahan dan penghayatan sebenar erti peristiwa sejarah itu dalam kaitan pembentukan sahsiah diri seseorang individu Muslim.

Turut hadir mengimarahkan majlis itu ialah Timbalan Ketua Polis Negara, Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, SAC Dato' Mohd Fuad Abd Latiff, Ketua Trafik Pasukan merangkap Pengerusi Masjid Bukit Aman, Pegawai-pegawai Kanan, anggota serta pegawai-pegawai awam PDRM Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



Sembahyang Khas Agama BUDDHA

Sempena Peringatan
hari Polis Yang Ke 208
PDRM

Oleh : L/Kpl Raymond Martin



Kuala Lumpur, 10 April – Sempena menyambut Hari Polis yang ke-208 tahun, Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar dijemput untuk merasmikan upacara sembahyang keagamaan Buddha di Wisma Dhamma Cakra, Kuil Buddha Maha Vihara, Brickfields.

Majlis ini turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Cawangan Khas 2, Dato' Leo Chong Cheong, Ketua Polis Melaka, Dato' Chuah Ghee Lye dan Pengerusi Jawatankuasa Upacara Sembahyang Keagamaan Buddha, Dato' Dr Yew Chong Hooi.

"Upacara pada hari ini adalah bukti bahawa walaupun kita berlainan agama dan bangsa, kita masih bersatu hati di

bawah payung perpaduan" ujar Ketua Polis Negara dalam ucapan perasmian majlis.

"Saya juga amat berbangga di atas kehadiran ahli-ahli masyarakat dan pesara-pesara Polis setempat pada hari ini. Begitu juga dengan penglibatan wakil-wakil "community policing" dalam aktiviti kemasyarakatan yang dapat mengeratkan lagi perhubungan dan kerjasama di antara masyarakat dan polis" ujar beliau lagi.

Pemberian sumbangan kepada warga polis yang mempunyai masalah kesihatan juga diselitkan dalam majlis tersebut. Selain itu beberapa pameran dari cawangan PDRM juga diadakan untuk menarik minat masyarakat yang hadir.



Sembahyang Khas Agama Kristian

Sempena Peringatan hari Polis Yang Ke 208 PDRM

Oleh : L/Kpl Raymond Martin

Kuala Lumpur, 17 April - Sempena Peringatan Hari Polis Ke 208 Tahun, upacara Sembahyang Agama Kristian telah disertai oleh para pegawai kanan, anggota, pesara polis serta masyarakat awam sekitar Lembah Klang yang berlangsung di Gereja St.Mary's Anglican Cathedral, Jalan Raja, Kuala Lumpur.

Upacara ini diadakan setiap tahun sempena memperingati Hari Polis bagi merapatkan lagi hubungan di kalangan polis dan masyarakat yang beragama Kristian.

Turut hadir di majlis tersebut, Timbalan Pengarah(Perancangan Strategic/Inspektorat) Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, SAC Chong Mun Phing merangkap Pengerusi Jawatankuasa AJK Aktiviti Sembahyang Agama Kristian



Sembahyang Khas Agama Hindu

Sempena Peringatan hari Polis Yang Ke 208 PDRM Bersama Komuniti



Oleh : Konst Sathish Menon

Kuala Lumpur, 17 April – Sempena Menyambut Hari Polis yang Ke 208 tahun Timbalan Ketua Polis Negara Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim dijemput hadir ke Sembahyang Khas Agama Hindu Sempena Peringatan hari Polis Yang Ke 208 PDRM Bersama Komuniti yang telah berlangsung di Kuil Sri Kandaswamy Jalan Scot Brickfields.

Saya berasa bangga dan teruja kerana begitu ramai warga PDRM,pegawai awam,pesara polis serta masyarakat tempatan hadir bertepatan dengan tema sambutan Hari Polis pada tahun ini iatu "Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada"

PDRM dan masyarakat saling bergantung antara satu sama lain "ibarat aur dengan tebing" sentiasa memerlukan kerjasama dan sokongan masyarakat ke arah memastikan Negara ini selamat dari apa jua ancaman dan bebas jenayah. Sokongan yang padu yang telah diberikan oleh



masyarakat selama ini amat kami hargai. Kami akan terus menyampaikan perkhidmatan yang cekap dan efisien kepada seluruh lapisan masyarakat.

Penyampaian Sumbangan kepada 6 buah Sekolah dan cenderahati kepada pihak kuil dan penari,,Turut Hadir dalam majlis Pengarah Sumber Strategik Dan Teknologi Dato'Pahlawan Zulkhli Abdullah , Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang, Dato' A. Thaiveegan,, Timbalan Ketua Polis Perak, Datuk A. Paramasivam ,Ketua Penolong Pengarah (D10) Forensik jabatan Siasatan Jenayah Narenasegaran Tanggvelu, merangkap Pengerusi jawatankuasa sembahyang khas Agama Hindu.

MAJLIS BERBUKA PUASA WARGA PDRM BERSAMA YAB PM

Kuala Lumpur, 30 Jun - Bagi mengimarahkan lagi bulan Ramadhan kali ini Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengadakan Majlis Penerapan Nilai-Nilai Murni di Bulan Ramadan dan Majlis Berbuka Puasa Bersama Warga PDRM di Pusat Latihan Polis (PULAPOL).

Majlis pada kali ini turut diserikan lagi dengan kehadiran Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia bersama isteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Dalam ucapannya, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan peruntukkan sebanyak 15,000 unit perumahan baru kepada warga PDRM serta sumbangan RM1juta untuk masjid-masjid PDRM.

Selepas solat maghrib berjemaah, Perdana Menteri menyampaikan sumbangan duit raya dan bungkusan hari raya kepada anak-anak yatim di kalangan warga PDRM serta simbolik penyerahan kurma kepada wakil imam-imam masjid PDRM.

Turut hadir memeriahkan majlis, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri, Dato' Alwi Hj Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara, Deputy Inspektor Jeneral Dato' Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara.

Oleh :L/Kpl Daud Tuah
Konst Shazril Abd Rashid





PDRM ANJUR LAWATAN KEBAJIKAN KE PPUM

Oleh : Kpl Aslam Syir Khan | Konst Rafsamjani



Kuala Lumpur, 27 Mei – Program Lawatan Hospital Sempena Peringatan Hari Polis Diraja Malaysia (PDRM) Ke-208 anjuran Cawangan Kebajikan Bukit Aman telah diadakan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Program lawatan ini diketuai sendiri oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar.

Inspektor Jeneral Polis Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar menyatakan ucapan terima kasih kepada semua pakar, doktor, jururawat dan seluruh warga Pusat Perubatan Universiti Malaya yang telah memberi perhatian dan merawat pesakit-pesakit daripada kalangan warga polis.

"Walaupun sibuk dengan tugas-tugas harian, PDRM akan cuba menjalankan aktiviti murni sebegini untuk menzahirkan keprihatinan dan kepekaan PDRM membantu anggota dan masyarakat yang kurang bernasib baik", katanya.

Selain itu, beliau juga berharap lawatan itu dapat merapatkan hubungan silaturahim di antara PDRM, PPUM dan juga masyarakat.

Turut hadir Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Puan Sri Dato' Imran Ibrahim, Timbalan Pengarah Klinikal PPUM, Y.M Prof. Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin, Timbalan Ketua Polis Negara, Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim dan warga kerja Bukit Aman.

Sumbangan Bantuan Banjir Daripada RESPA

Oleh : L/Kpl Mohd Iqbal Nasruddin

Kuala Lumpur, 13 Jun – Peranan pegawai-pegawai kanan bersara polis dalam persatuan sangat penting dalam usaha membantu pasukan keselamatan, mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Oleh yang demikian, bagi memberikan khidmat yang terbaik walaupun tidak lagi berkhidmat, RESPA telah menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA) kali ke 31 dan Majlis Penyampaian Sumbangan oleh RESPA Kepada Tabung Kebajikan Mangsa Banjir PDRM dengan jayanya di Kuala Lumpur Internasional Hotel (KLIH), Kuala Lumpur.

Deputi Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara telah mewakili Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara turut hadir ke majlis tersebut dan turut menerima sumbangan kepada anggota, pegawai,



pesara polis yang terlibat di pantai timur melalui Tabung Kebajikan Mangsa Banjir PDRM.

Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA) kali ke 31 telah dirasmikan oleh Tan Sri Abu Zahar Ujang, Yang Dipertua Dewan Negara. Turut hadir, Dato' Yazid Baba, Presiden RESPA.



Sambutan Ulang Tahun Kor Kadet Polis Ke-45

Kuala Lumpur, 8 April - Sambutan Ulang Tahun Kor Kadet Polis Ke-45 Peringkat Kontinjen Kuala Lumpur telah berlangsung di Maktab Polis Diraja Malaysia, Cheras, Kuala Lumpur.

Matlamat utama penubuhan Kor Kadet Polis ini adalah untuk membentuk generasi remaja dari kalangan pelajar yang didedahkan dengan disiplin diri, selain membina semangat kerjasama dan menanam cintakan Negara.

Turut hadir Dato' Zulyadin Haji Ismail, Timbalan Komandan (Pentadbiran) Maktab Polis Diraja Malaysia, Kuala Lumpur. Tuan haji Rofli Mohamed Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Encik Zainal Azmir Kamarudin Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan kemanusiaan Jabatan

Pelajaran Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Oleh : Konst Sathish Menon



Penyerahan Sumbangan Bungkus HARI RAYA

Oleh : Kpl Aslan Syir Khan, L/Kpl Irfan Bujang

Bukit Aman , 29 Jun - Majlis penyerahan sumbangan bungkus Hari Raya telah diadakan di Mes Pegawai Kanan Bukit Aman.

Majlis disempurnakan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara yang turut ditemani isteri, Puan Sri Dato' Imbran Ibrahim, juga merupakan Pengerusi PERKEP Malaysia.

Menurut Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar dengan adanya bungkus Hari Raya yang diagihkan kepada para petugas sedikit sebanyak dapat menaikkan semangat kepada anggota dan pegawai PDRM yang bertugas pada hari raya nanti.



Beliau turut menyeru kepada semua warga PDRM supaya mengambil kesempatan di bulan Ramadan dan Syawal ini untuk mengeratkan lagi hubungan dengan masyarakat setempat melalui pelbagai aktiviti keagamaan seperti berterawih dan mengadakan rumah terbuka.

Turut hadir Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohamad Salleh, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah dan Dato Acryl Sani Hj. Abdullah Sani, Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti.





PROGRAM KARNIVAL

“HARI KOMUNITI BERSAMA POLIS” PDRM - PETRON

Oleh : L/kpl Iqtar Azmi

Kajang, 6 Jun – Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Pencegahan Jenayah & Keselamatan Komuniti (JPJJK) dengan kerjasama PETRON telah mengadakan Program Karnival “ Hari Komuniti Bersama Polis” yang berlangsung di Petron Grandsaga Southboard, Km 20.3, Lebuhraya Cheras-Kajang.

Karnival yang bermula seawal jam 9 pagi hingga 2 petang itu menyediakan pelbagai aktiviti kekeluargaan disamping mempromosi Petron sebagai salah satu “Safety Point” kepada orang ramai jika berlaku perkara-perkara yang tidak diingini pada bila-bila masa di seluruh Malaysia.

Timbalan Pengarah (Operasi), JPJJK Bukit Aman, DCP Dato’ Zainal Abidin Bin Kasim berkata “Ini perlu diwar-warkan, bahawa stesen minyak petron kini menjadi “safety point” jika berlaku perkara kecemasan atau rasa tidak selamat”

“Orang awam hanya perlu datang ke stesen minyak dan meminta pertolongan staff bertugas

seterusnya mendapat bantuan daripada pihak polis dari balai-balai bedekatan.” tambahnya lagi.

Dalam program sama, beliau bersama Puan Faridah Ali, Head of Retail Business, Petron Malaysia, turut merasmikan pembukaan Petron Grandsaga Southboard.

Turut hadir dalam majlis tersebut ACP Zainudin Mohd Tahir, Pemangku Ketua JPJJK IPK Selangor, ACP Chew Boon Hoo, Pen. Pengarah Kolaborasi Bersepadu JPJJK, Superitendan Mohd Ghani Bin Md. Ji, Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang, Pegawai-pegawai Kanan PDRM, Para Pengurus Syarikat Petron Malaysia serta wakil-wakil media.



Majlis Pelancaran Filem Bukit Kepong Versi HD

Oleh : Konst Sathish Menon

Bukit Aman 23 June - Majlis Pelancaran Filem Bukit Kepong Versi HD Oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khali Abu Bakar di Mes Pegawai Kanan Bukit Aman.

Ribuan Terima Kasih kepada pihak KRU Internatinal Berhad Sdn Bhd khususnya Encik Norman Abd Halim bagi Kerjasama yang terjalin di antara PDRM dan KRU International Sdn Bhd. Setinggi tahniah juga diucapkan kepada KRU yang telah mengambil inisiatif membaik pulih Filem Bukit Kepong kepada versi definisi tinggi (HD) dan menyelamatkan kandungan filem berusia 34 tahun ini.

Filem ini akan Berjaya menggamit generasi baru untuk menghargai filem lama dengan visual berteknologi tinggi.. Dengan filem ini generasi muda akan menghargai pengorbanan pejuang-pejuang dan wira-wira lampau dalam menjaga kedaulatan dan maruah Negara. Semangat "patriotism" di kalangan generasi muda juga dipupuk agar mereka lebih menghargai erti kemerdekaan.

Turut Hadir Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Nor Rashid Ibrahim Timbalan Ketua Polis Negara, dan Komisioner Polis Dato'Seri Mohamad Fuzi Harun. Pengarah Pengurusan.



Bukit Aman, 20 April – Program PR1MA merupakan agenda kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia sejajar dengan Gagasan 1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Majlis Pelancaran Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) Kepada Warga PDRM telah berlangsung dan dirasmikan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara di Dewan Theatrette, Menara 1, Bukit Aman.

Bagi memastikan semua peringkat warga PDRM mendapat manfaat daripada program ini, maka beberapa cadangan telah diusulkan. Antara cadangan yang diusulkan ialah memastikan harga rumah dapat dikawal oleh kerajaan, memenuhi keupayaan warga PDRM berpendapatan rendah dan sederhana, semakan kadar gaji mengikut

PELANCARAN PR1MA UNTUK WARGA PDRM

Oleh : Konst Shazril Abd Rashid

prestasi ekonomi negara, mengkaji semula peraturan pembiayaan perumahan kerajaan, menyemak semula dasar mobiliti PDRM sesuai dengan keadaan semasa, pengurusan sumber manusia dari segi penempatan mengikut lokasi sebelum bersara, mewujudkan dana khas bantuan perumahan, menggalakkan agensi kerajaan dan swasta memberi peruntukan khas kepada PDRM bagi setiap projek perumahan seperti PR1MA, rumah mesra rakyat dan projek perumahan kerajaan tempatan.





SINDIKET AFRICAN SCAM LIBATKAN KERUGIAN RM25 JUTA TUMPAS

Oleh : L/Kpl Muhamad Rafsamjani Shamsul Bahar

Kuala Lumpur – Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), Bukit Aman berjaya menumpaskan sindiket penipuan Afrika atau “Nigerian Scam” yang sudah mengaut keuntungan hampir RM25 juta menipu masyarakat dengan hanya menggunakan kata-kata manis dan ayat cinta dalam dunia internet.

Timbalan Pengarah JSJK (Siasatan), Datuk Wira Hj. Hamza bin Taib dalam sidang media berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang sememangnya memburu sindiket ini dari semasa ke semasa telah melancarkan “OpTiong” bermula dari 11 Julai lepas sebagai salah satu usaha mengekang dan seterusnya menumpaskan sindiket tersebut.

“Seramai 35 ahli sindiket ditangkap beserta barang rampasan seperti kad ATM, telefon bimbit, komputer riba dan pelbagai dokumen lain”, katanya.

Sindiket yang mensasarkan golongan wanita tempatan khususnya dari golongan wanita yang kesepian, ibu-ibu tunggal dan tidak terkecuali golongan professional ini telah mencatatkan sebanyak 761 laporan polis telah diterima sejak Januari hingga Julai 2015.

Kesemua ahli sindiket tersebut kini ditahan lanjut bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan boleh dihukum tidak kurang satu tahun dan tidak melebihi sepuluh tahun penjara serta sebatan.



Guru, jururawat dakwa rugi RM102,000 Sindiket penipuan Love Scam tumpas

Oleh MOHD. AZLI ADLAN
azli.adlan@kosmo.com.my

IPOH - Kegiatan penipuan internet Love Scam yang didalangi warga Afrika seperti tidak berkesudahan apabila dua lelaki Nigeria ditahan baru-baru ini membolehkan penipuan berjumlah RM102,000.

Selain dua lelaki yang berusia 28 dan 58 tahun itu, polis turut menahan dua wanita masing-masing warga Jepun dan seorang rakyat tempatan.

Ketua Polis Perak, Datuk



Profil palsu perangkap lelaki, wanita...
[The text in this section is partially obscured and difficult to read, but it appears to be a continuation of the article or a separate report.]

Keratan Akhbar KEJAYAAN JSJK

3 ahli 'Macau Scam' perdaya nenek tumpas

Subang Jaya

Tiga ahli sindiket 'Macau Scam' yang menyamar sebagai pegawai bank berjaya diberkas polis. Sabtu lalu, selepas menipu seorang nenek supaya memindahkan wang berjumlah lebih RM1 juta.

Suspek yang berusia 30 an dikesan berjaya memperdaya mangsa berusia 68 tahun itu dengan mendakwa kononnya kad kredit mangsa digunakan individu tidak dikenali.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Yahya Ramli berkata, ahli sindiket terbabit menghubungi mangsa dengan memperkenalkan dirinya sebagai pegawai di sebuah bank terkemuka.

"Dalam perbualan itu, suspek mendakwa mangsa mempunyai hutang kad kre-

dit dengan baik berkenaan. "Suspek mendakwa ada individu menghubungi seorang lagi pegawai dan menggunakan identiti mangsa untuk memohon kad kredit dan menggunakannya," katanya pada sidang media di pejabatnya semalam.

Menurutnya, mangsa diarah menghubungkan seorang lagi pegawai didakwa bertugas di Bank Negara Malaysia (BNM) bagi membolehkan pemindahan wang dilakukan segera.

"Mangsa yang percaya dengan kata-kata suspek akur memindahkan semua wang simpanannya ke akaun bank diberikan suspek sebelum menyedari ditipu," katanya.

Menurutnya, susulan laporan itu, polis menahan tiga suspek warga asing

Guna taktik menyamar sebagai pegawai polis Bukit Aman untuk menipu mangsa Sindiket Macau Scam tumpas

Geri BULL HASSAN

SHEKATA - Tindakan satu sindiket Macau Scam ditumpas warga Taiwan dan China menggunakan taktik sebagai pegawai polis Bukit Aman dan pejabat lain. Ahli sindiket terbabit ditahan pada 19 April silang.

Berhimpun ahli sepapan pegawai dan anggota Jabatan Nisiatn Amarah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Melaka dan Johor berkecuali pada 19 April itu berjaya menahan sembilan warga Taiwan dan seorang warga China berusia 29 hingga 58-an berketurunan Melayu, masing-masing menggunakan pas palsu dan an.

Ketua Polis Melaka, Datuk Chandy Ghew Lyne berkata, sindiket berkenaan menangi lapan bank tempatan melalui wang simpanan sebagai pegawai polis dan pegawai lain. "Mangsa yang percaya dengan kata-kata suspek akur memindahkan semua wang simpanannya ke akaun bank diberikan suspek sebelum menyedari ditipu," katanya.

Menurutnya, susulan laporan itu, polis menahan tiga suspek warga asing

"Sindiket ini dipergiat menggunakan taktik sama taktik menyamar sebagai pegawai polis Bukit Aman dan bank untuk menipu mangsa.

"Ahli sindiket ini menggunakan kononnya wang dalam akaun bank mereka dibekukan dan mangsa perlu memindahkan semua wang ke akaun akaun tersebut," katanya kepada pemberita di tempat kejadian di sini semalam.

Ghew Lyne berkata, hasil siasatan mendapati sindiket tersebut sudah menyedapkan mangsa memindahkan kerugian berjumlah RM102 juta (RM1 juta).

Ketua Polis Melaka, Datuk Chandy Ghew Lyne berkata, sindiket berkenaan menangi lapan bank tempatan melalui wang simpanan sebagai pegawai polis dan pegawai lain. "Mangsa yang percaya dengan kata-kata suspek akur memindahkan semua wang simpanannya ke akaun bank diberikan suspek sebelum menyedari ditipu," katanya.



SEBAGIAN warga asing terbabit dengan sindiket penipuan Macau Scam di Melaka semalam.

Siasat kes cinta Internet jumpa dadah

Kajang

Lain yang dicari lain ditemui. Sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman yang menyebu sebuah rumah pangsupuri di Bandar Sungai Long di sini, menemui beberapa ketulan mampat dipercayai dadah jenis ganja.

Dalam serbuan kira-kira jam 9.30 malam kelmarin, JSJK menerima maklumat awam mengenai kegiatan satu sindiket penipuan cinta Internet membolehkan warga Afrika di rumah berkenaan.

Bagaimanapun, sebaik serbuan dibuat, polis menemui beberapa ketulan mampat dipercayai dadah jenis ganja seberat 876 gram yang dianserkan

JSJK sebelum mengesan suspek.

Katanya, siasatan awal tidak menolak kemungkinan rumah itu dijadikan sebagai tempat pemprosesan dadah berdasarkan penemuan pelbagai peralatan di dalam rumah berkenaan.

"Sehingga kini, polis masih memburu suspek yang terbabit melakukan jenayah itu dan siasatan lanjut masih dijalankan," katanya.

Katanya, turut ditemui di dalam rumah berkenaan adalah dua pasport milik lelaki warga negara Nigeria dan Malawi disyaki melarikan diri selepas menyedari kehadiran polis.

Sindiket African Scam tumpas

11 ditahan, barang bernilai RM70,000 dirampas

KUALA LUMPUR



11 ditahan, barang bernilai RM70,000 dirampas

'MACAU SCAM' TUMPAS

Libatkan penipuan lebih RM20 juta



Polis tumpaskan sindiket 'Macau Scam'. 52 suspek warga China termasuk itu ditahan

Ganjaran tak masuk akal



Seorang pegawai polis sedang berunding dengan salah seorang mangsa dalam kes penipuan internet.

Tanyalah Ustazah :

GURU SELURUH UMMAH

Oleh : Kost Nur Faeroz Idris

Shah Alam, 15 Mei - Sebagai apresiasi kepada sambutan hari guru pada tahun ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) serta anjuran bersama Biro Pendidikan PERKEP Jabatan Siasatan Jenayah dan Media Prima telah mengadakan satu program ceramah agama bertajuk 'Guru Seluruh Ummah' di Studio NTV7, Glenmarie Shah Alam.

Ceramah yang dikendalikan oleh Ustazah Isfadhah Mohd Dasuki, keseluruhan intipati ceramah pada hari ini banyak menyentuh berkenaan peranan dan fungsi para guru khususnya kaum wanita adalah sebagai panduan atau bekal bagi menghadapi kehidupan seorang pengajar yang sentiasa mencabar jiwa dan raga.

Sesi ceramah pada hari ini turut dihadiri oleh Naib Pengerusi PERKEP JSJ, Datin Fariah Mohd Zamri dan Ketua Biro Rumahtangga PERKEP JSJ Datin Zainah Binti Othman serta ahli PERKEP lain.

Program ini juga merupakan salah satu slot 'Tanyalah Ustazah' yang bersiaran secara langsung setiap Jumaat jam 11.30 pagi di saluran TV9.



'Bagaikan Aur Dengan Tebing'

Oleh : Konst Nur Faeroz Idris



Kuala Lumpur, 15 April – Seumpama serumpun aur di tebing, setiap manusia memerlukan orang lain dalam kehidupannya, ini dapat diterjemahkan melalui kerjasama berterusan di antara kedua-dua belah pihak dengan mengimplimentasikan pelbagai program bersifat kemanusiaan dan kesejahteraan umum.

Bersesuaian dengan tema 'Polis Dan Masyarakat Berpisah Tiada' pada tahun 2015, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Astro Oasis telah mengadakan satu program ceramah agama di Maktab PDRM Kuala Lumpur, hari ini.

Program anjuran Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia yang diselaraskan oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM ini juga satu daripada slot 'Kalau Dah Jodoh' yang menampilkan Ustaz Datuk Mohd Kazim Elias Al-Hafiz.

Dalam ceramahnya yang bertajuk, 'Bagaikan Aur Dengan Tebing', beliau banyak menyentuh berkenaan isu-isu semasa dan hubung kait yang mendalam di antara polis dan masyarakat.

Program pada hari ini turut dihadiri oleh Pengerusi PERKEP Malaysia, Puan Sri Dato' Imran Ibrahim, Pengarah Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard (JIPS), SDCP Dato' Zubaidah Md. Ismail, Pegawai-pegawai Kanan PDRM serta pimpinan-pimpinan tertinggi PERKEP.

Pertandingan

Golf Hari Polis Ke-208 Tahun 2015

Oleh : Sjn Zaidin, L/Kpl Iqbal, Konst Rafsamjani

SUKAN

Petaling Jaya, 25 April - Pertandingan Golf Hari Polis Ke 208 Tahun adalah antara aktiviti tahunan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sempena Sambutan Memperingati Hari Polis.

Pertandingan ini bukan sebagai riadah semata-mata tetapi ia turut dilihat sebagai medan mengeratkan hubungan serta memupuk semangat kerjasama sesama pemain disamping menjadi landasan ke arah membudayakan gaya hidup sihat selari dengan matlamat pasukan dalam melestarikan warga yang sihat, cergas dan cerdas.

"Menerusi pertandingan seumpama ini, kita sama-sama telah menjalinkan interaksi yang sihat dan kolaborasi di antara kementerian dan agensi lain dengan PDRM" ucap Dato' Sri Noor Rashid bin Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara yang mewakili Ketua Polis Negara di Tropicana Golf & Country Resort, pagi tadi.

"Ia juga diharap dapat memupuk semangat kerjasama di kalangan pegawai polis dan pesara polis

serta menjalin silaturahim bersama masyarakat bertepatan dengan tema Peringatan Hari Polis pada tahun ini iaitu 'Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada,'" katanya lagi.

Hadir di Pertandingan Golf Peringatan Hari Polis Ke 208 Tahun ialah Dato' Alwi bin Haji Ibrahim, Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Seri Norian bin Mai, mantan Ketua Polis Negara, Dato' Wahab bin Mohd Yasin, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Dalam Negeri, Komisioner Polis Dato' Seri Mohamad Fuzi bin Harun, Pengarah Pengurusan PDRM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Pertandingan Golf Peringatan Hari Polis Ke-208, dif-dif jempunan serta Pegawai-pegawai Kanan



Majlis

Penyerahan Bendera Sang Saka Biru

Oleh : L/Kpl Raymond, Konst Sathish Menon

Kuala Lumpur 4 June 2015 - berlangsungnya Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Kelab Kebajikan dan Sukan PDRM (KKS PDRM) Tahun 2015 dan Majlis Penyerahan Bendera Sang Saka Biru Kepada Pegawai Dan Atlet PDRM Bagi Kejohanan World Police And Fire Games 2015 Oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khali Abu Bakar. Kejohanan kali ini akan berlangsung di New York, Amerika Syarikat bermula dari 23 Jun hingga 5 Julai 2015.

Upacara penyerahan bendera adalah simbol kemegahan pasukan kita yang perlu dalam Kejohanan World Police & Fire Games 2015. Saya juga ingin lihat PDRM Tonjolan kehebatan sebagaimana yang telah dibuktikan di dalam kejohanan yang sama sebelum ini. PDRM boleh!

Seramai 121 orang wakil PDRM akan ke NEW YORK dengan membawa cabaran dalam pertandingan kali ini melibatkan penyertaan dalam sepuluh acara sukan. Antaranya ialah olahraga, golf, karate, 10 pin bowling, badminton, lumba basikal, ragbi 7 sebelah, dart, tarik tali dan bina badan. Acara-acara ini adalah merupakan acara-acara sukan yang berpotensi besar untuk dimenangi oleh Kontinjen PDRM. Selamat berjuang kepada semua atlet PDRM dan bertandinglah dengan penuh semangat kesukanan.

Turut Hadir Pengarah Jabatan Pengurusan Dato'seri Mohamad Fuzi Haru, Pengarah Sumber Strategik Dan Teknologi Dato'Pahlawan Zulklifi Abdullah Dan Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti Dato' Acryl Sani Hj Abdullah Sani.



SCAM ALERT: Sindiket penipuan yang didalangi oleh warga tempatan dan warga asing ini membuat panggilan telefon secara rambang dengan mendakwa mewakili mana-mana institusi kewangan. Panggilan tersebut dibuat bagi membuat pengesahan transaksi kad kredit yang kononnya milik anda. Taktik ini digunakan untuk memperdaya mangsa dan boleh menyebabkan kerugian berjumlah ribuan ringgit.

Modus Operandi

1. Mangsa mendapat panggilan telefon mengatakan kad kreditnya di sebuah bank tempatan telah digunakan di sebuah pusat membeli-belah.
2. Mangsa menafikan beliau mempunyai sebarang kad kredit di bank tersebut dan sindiket berjanji akan berhubung dengan bank negara mengenai masalah tersebut.
3. Beberapa minit kemudian, mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang perempuan yang kononnya daripada bank negara dan meminta semua maklumat peribadi mangsa.
4. Bagi menyekat kad kredit supaya tidak disalahgunakan, mangsa diarahkan pergi ke mesin pengeluaran wang automatik (ATM).
5. Apabila sampai di ATM, mangsa sekali lagi menerima satu panggilan telefon yang memberikan arahan sehingga transaksi selesai.
6. Mangsa hanya sedar telah ditipu setelah transaksi selesai. Tanpa disedari mangsa telah membuat pemindahan wang kepada akaun pihak ketiga.

Nasihat polis

1. **Berhati-hati** dan **tidak mudah percaya** dengan panggilan telefon oleh mana-mana individu yang mendakwa diri sebagai pegawai kerajaan atau swasta (pegawai polis, pegawai Bank Negara Malaysia atau pegawai bank) memaklumkan akaun bank anda digunakan oleh orang lain.
2. **Semak** dengan pihak yang bertanggungjawab terlebih dahulu.
3. **Jangan menghubungi** nombor telefon yang diberikan oleh mana-mana individu yang melalui telefon, sebaliknya hubungi nombor rasmi agensi tersebut.
4. Untuk pertanyaan lanjut dan nasihat, sila hubungi Pusat Hubungan Pelanggan Bank Negara Malaysia (BNMTELELINK) di talian 1300 88 5465

HELAAH PANGGILAN TELEFON

Oleh : Insp Doris, Kpl Iqtar Azmi

